



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 26/2023

KEMULIAAN HARI TASYRIQ

30 Jun 2023

Bersamaan

11 Zulhijjah 1444

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Pertamanya marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya, dan bersungguh-sungguh meninggalkan segala larangan-Nya.

Sesungguhnya, hanya dengan bertakwa kepada Allah SWT sahajalah, setiap manusia akan memperoleh rahmat-Nya dan tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Mimbar mulia pada hari Jumaat kali ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk:

KEMULIAAN HARI TASYRIQ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Antara hari-hari yang dimuliakan di dalam Islam ialah hari tasyriq, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Firman Allah SWT dalam surah al Baqarah, ayat 203:

﴿ وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴾



Maksudnya: Dan berzikirlah kepada Allah beberapa hari yang tertentu bilangannya. Maka sesiapa yang ingin segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa, dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; bagi orang yang bertakwa. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, dan ketahuilah, sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepada-Nya.

Menurut ulama tafsir: Hari-hari tertentu yang utama di sisi Allah SWT dalam ayat tersebut adalah hari tasyriq iaitu 11, 12, dan 13 zulhijjah.

Kelebihan ini dijelaskan lagi oleh sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ أَعْظَمَ الْأَيَامِ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمُ النَّحْرِ ثُمَّ يَوْمُ الْقَرْ

Maksudnya: Sesungguhnya sebaik-baik hari di sisi Allah SWT adalah hari raya korban, kemudian hari al Qarr iaitu 3 hari Tasyriq.

(Hadith riwayat Abu Dawud)

Sidang muslimin yang berbahagia

Rasulullah SAW melarang umatnya berpuasa pada hari tasyriq kerana ianya termasuk hari perayaan bagi kaum muslimin. Sabda Rasulullah SAW:

أَيَّامٌ مِنْ أَيَّامٍ أَكْلٌ وَشُرْبٌ وَذِكْرٌ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: Hari-hari Mina adalah hari-hari makan, minum dan berzikir kepada Allah SWT.

(Riwayat Muslim, Ahmad dan al Nasaie)

Pada hari yang mulia ini, kita dianjurkan memperbanyakkan amalan sunat seperti bersedekah, bergotong royong, membaca Al-Quran, berdoa dan berzikir kepada Allah SWT.

Selain itu, pada hari tasyriq ini, kita juga dianjurkan untuk membangun hubungan yang lebih baik dan menjalin ikatan kasih sayang di antara umat Islam.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sempena kehadiran hari tasyrik yang penuh penghayatan ini, kita juga dianjurkan untuk merenungkan dan mengambil hikmah dari kisah Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS dalam pelaksanaan ibadah korban. Mereka telah menunjukkan ketaktaan dan kepatuhan mereka kepada Allah SWT, dan ini menjadi contoh bagi kita untuk meningkatkan kesolehan dan kepatuhan kita dalam menjalankan perintahNya.

Mari kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya peluang ini dengan melakukan amalan-amalan ibadah, berkongsi dalam perkara kebaikan, dan menjaga hubungan baik sesama muslim. Semoga Allah SWT menerima amal ibadah kita dan memberikan keberkatan dalam hidup kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ١ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ ٢ إِنَّمَا أَنْحَرَ شَاءَنَّا كَهُوَ الْأَبْتَرُ ٣

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak. Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban. Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari rahmat Allah).

(Surah al kautsar: 1-3)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَسِّرْهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ。 اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغُّكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،

بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.

Perbaikilah hubungan di antara kami dengan penuh kasih sayang. Anugerahkanlah kepada kami kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kepada kami nikmat keamanan, keselamatan dan kesejahteraan yang berterusan. Lindungilah kami daripada segala keburukan dan keaiban. Hindarkanlah kami daripada sebarang bentuk kemungkaran dan kemaksiatan .

Ya Allah,

Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan. Semaikanlah semangat muafakat dalam kejiran dan qaryah kami. Suburkanlah para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat, akhlak yang mulia, hormat-menghormati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga dan negara .

Ya Allah ,

Kami pohon kehadrat-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat. Bukaanlah hati kami untuk istiqamah melaksanakan perintah-Mu dengan terbaik terutamanya mendirikan solat fardu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup golongan yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk pembangunan umat Islam Terengganu dengan ganjaran pahala yang berganda .

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya. Terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Ya Allah ,

Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa. Kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kepada kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya di negeri Terengganu, sebagai sebuah negeri yang aman damai, maju lagi diberkati. Bukaanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu. Amin ,

يَا اللَّهُ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ.

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.